

Menulis

Teliti bahan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan perenggan isi dengan betulnya. **SP343**



Antara peranan pengawas di sekolah termasuklah mereka menjadi

(1) _____. Hal ini dikatakan demikian kerana pengawas yang dilantik lazimnya terdiri daripada murid-murid yang bersahsiah tinggi dan (2) _____. Sebagai contoh, sikap pengawas yang berdisiplin seperti (3) _____ serta (4) _____ sudah pasti akan menjadi contoh teladan yang baik kepada rakan-rakannya. Oleh itu, jelaslah bahawa pengawas merupakan (5) _____ kepada murid-murid lain di sekolah.

datang awal ke sekolah

individu yang mampu menjadi suri teladan

cemerlang dari aspek akademik serta kokurikulum

contoh terbaik kepada murid-murid yang lain

memakai uniform sekolah dengan kemasnya

Info Ekstra

Tip Menulis Perenggan Isi

1. Isi penting mesti mempunyai ayat isi, ayat huralan, ayat contoh, dan ayat kesimpulan.
2. Gunakan penanda wacana yang tepat.
3. Memasukkan peribahasa atau ungkapan yang menarik dalam perenggan isi.
4. Mencampurkan lebih daripada satu isi ke dalam perenggan yang sama merupakan kesalahan yang sering dilakukan oleh murid.